

46 peserta sertai klinik asas perahu naga UMS-KAL

Oleh Azri Onn Othman

LABUAN : Seramai 46 peserta telah menyertai klinik asas perahu naga di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, Tanjung Purun pada 10 April 2010.

Klinik asas itu dianjurkan oleh Bahagian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) dengan kerjasama Equity Trust Labuan serta Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Labuan.

Pegawai Belia dan Sukan UMS-KAL, Gabriel Moinjil berkata selepas kursus itu, latihan akan diadakan dengan Equity Trust untuk persediaan menghadapi Kejohanan Perahu Naga Terbuka UMS 2010.

Klinik sehari itu bertujuan untuk mendedahkan kepada peserta teknik dan taktikal mengenai sukan perahu naga selain menggalakkan kakitangan bergiat secara aktif dalam bidang sukan dalam suasana yang harmoni.

Gabriel berharap dengan mempromosikan perahu naga sebagai satu produk sukan, nama UMS-KAL akan dikenali sebagai penganjur sukan laut yang berwibawa di negara ini kerana universiti itu terletak berhampiran pantai dan laut yang sesuai untuk penganjuran acara sukan pantai dan laut.

Kursus sehari itu dikendalikan oleh jurulatih berpengalaman dari Persatuan Dragon Boat Sabah, Geoffrey Daminus yang dibantu Charles Mark Yong

dari Rasa Ria Resort, Pantai Dalit.

Geoffrey berkata kejayaan sesebuah pasukan bergantung kepada semangat berpasukan, kekuatan serta ketahanan mental dan fizikal serta latihan berterusan.

Beliau menolak andaian meminum minuman keras atau mengambil ubat termasuk dadah mampu membantu kejayaan pasukan berkenaan.

"Jangan merosakkan diri sendiri untuk kejayaan

jangka pendek sebaliknya bekerja keras serta semangat berpasukan sebenarnya yang membantu kemenangan sesebuah pasukan perahu naga," katanya.

Geoffrey menasihatkan semua pasukan supaya menanam azam untuk menyertai dan memenangi pertandingan perahu naga di peringkat antarabangsa dan bukannya berpuas hati berjaya di peringkat tempatan sahaja.

